

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HGF 323 - Kajiklim

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.


BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Tulis nota untuk perkara-perkara berikut:
  - (a) Aurora (5 markah)
  - (b) Kestabilan ozon (7 markah)
  - (c) Penyebaran haba di dalam atmosfera (8 markah)
  - (d) Unit Darjah Pertumbuhan (GDU) (5 markah)
  
2. (a) Jelaskan kegunaan model-model saintifik di dalam kajiklim. (10 markah)
- (b) Bincangkan kekuatan dan kelemahan model-model tersebut dengan memberikan contoh-contoh yang berkaitan. (15 markah)

3. Merujuk kepada Rajah 1, jawab soalan-soalan berikut:
- (a) Bincangkan bagaimana Indeks Hujan Untuk Pertanian (ARI) disediakan. (8 markah)
  - (b) Apakah kekuatan dan kelemahan penggunaan Indeks Hujan tersebut kepada aktiviti pertanian di sesuatu tempat? (10 markah)
  - (c) Kenapakah terdapat perbezaan musim menanam di antara selatan dengan utara Semenanjung Malaysia? (7 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Bincangkan fenomena 'El-Nino - Southern Oscillation' dan kesannya ke atas iklim dunia. (25 markah)
5. (a) Bandingkan sistem pengkelasan iklim Koeppen dan sistem pengkelasan iklim Thornthwaite. (10 markah)
- (b) Bincangkan kesesuaian kedua-dua sistem pengkelasan tersebut dengan merujuk kepada aplikasi tertentu. (15 markah)
6. "Pengeluaran haba merupakan faktor terpenting di dalam mengubah unsur-unsur iklim di bandar-bandar besar dunia". Bincangkan. (25 markah)



Rajah 1: Masa Kesesuaian pertumbuhan tanaman di Semenanjung Malaysia yang berasaskan kepada Indeks Hujan Untuk Pertanian (ARI)

Sumber: M.Z. Ghazalli, MARDI Res. Bull. (1987) 15(1), (61).

